

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HJ. ZULKIPLY BIN RAMLI

KETUA PENGARAH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL EKSEKUTIF PRAKTIS KERJA SOSIAL
(SPEC) UUM**

**14 SEPTEMBER 2015
EDC, UUM HOTEL
SINTOK KEDAH**

(Salutation)

Bismillahirrahmanirrahim.

**YBHG. PROF DATO' WIRA DR MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PROF MADYA DR ENGKU MOHD NAZRI ENGKU ABU BAKAR
PENOLONG NAIB CANSOLOR
COLLEGE OR ARTS AND SCIENCES SELAKU AHLI JAWATANKUASA
PENGURUSAN UNIVERSITI**

**EN HAZLI BIN AHMAD @ADNAN, PENGARAH PENGURUSAN
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

PENGARAH-PENGARAH JKM NEGERI DAN WAKIL

PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

DEKAN-DEKAN, STAF-STAF AKADEMIK

DAN GRADUAN-GRADUAN YANG DIRAI SEKALIAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Penyampaian Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEC) kali yang ke 2.
2. Seterusnya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah khususnya kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dianugerahkan Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEC) pada majlis hari ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia di atas kesudian untuk bekerjasama dengan JKM serta berjaya melaksanakan program seumpama ini bagi membantu usaha JKM untuk mempertingkatkan kompetensi pegawai selaras dengan profesion Kerja Sosial dalam menyalurkan khidmat kepada masyarakat.
3. Di antara objektif perlaksanaan Program Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEC) UUM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah :

- a. Melahirkan pegawai JKM yang mempunyai pengetahuan (*knowledge*) dan kemahiran (*skill*) dalam bidang Kerja Sosial;
- b. Menanamkan nilai-nilai Kerja Sosial dalam kalangan pegawai JKM selaras dengan profesion Kerja Sosial;
- c. Meningkatkan kualiti dan kompetensi sumber tenaga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menyalurkan khidmat kepada masyarakat.

Hadirin sekalian;

4. Untuk makluman, Program Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial kali ini telah dijalankan pada 14 hingga 25 April 2014 bagi Kohort 3 dan 1 hingga 12 September 2014 bagi Kohort 4 di Kampus Utama Universiti Utara Malaysia Sintok. Di samping itu, peserta Kohort 5 iaitu kemasukan pada 2 hingga 13 Mac 2015 bertuah kerana turut menerima sijil kali ini. Seramai 84 orang kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat dari seluruh negara telah ditawarkan untuk mengikuti program ini. Saya dimaklumkan bahawa peserta yang telah mengikuti program ini mencapai keputusan yang cemerlang terutama pada sesi Praktikum dengan pencapaian melebihi 80%. Oleh yang

sedemikian, seramai 78 orang khasnya dari JKM dirai bersama akan diberi penghargaan pada majlis hari ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Rata-rata peserta yang mengikuti program ini memberi maklumbalas yang positif terhadap program ini dan berharap ia dapat diperluaskan untuk kakitangan-kakitangan lain dari seluruh negara. Ini termasuklah pegawai kader JKM di Jabatan Penjara yang kali pertama menyertai program ini.

5. Saya percaya dengan kemudahan dan kelengkapan yang disediakan oleh UUM seperti penginapan, pengangkutan, makan minum dan bilik kuliah yang amat baik dan selesa telah memberi lebih dorongan dan insentif untuk mendapat keputusan yang cemerlang. Program kerjasama ini melibatkan tempoh selama 5 tahun dan diharap dapat diteruskan untuk masa akan datang kerana ianya membantu kakitangan dalam menyumbang kepada peranan dan fungsi Jabatan yang lebih efektif terutamanya dalam proses penyaluran perkhidmatan dan bantuan. Peningkatan profesionalisme kakitangan juga merupakan salah satu intipati kesan pembelajaran yang diterima di sini.

6. Program kerjasama Sijil Eksekutif Praktis Kerja Sosial (SPEC) antara JKM dan UUM ini merupakan satu mekanisme bagi memberi peluang kepada kakitangan JKM mendapatkan latihan yang diakreditasi sebagai pengamal Kerja Sosial. Dalam jangka masa panjang, hubungan kerjasama ini menepati transformasi Jabatan untuk melahirkan Pekerja Sosial yang profesional dan setanding dengan piawaian Kerja Sosial di peringkat antarabangsa.

Hadirin sekalian;

7. Bagi meneruskan program kerjasama ini, saya difahamkan penyertaan Kohort pertama (1) telah bermula pada 29 September 2013 dan sehingga kini iaitu Kohort 6 (sedang berjalan), JKM telah menghantar seramai 183 orang pegawai . Model pembelajaran Kerja Sosial yang disusun atur bagi kursus ini juga telah dirangka agar bersesuaian (*tailor made*) dengan kehendak *stakeholder* bagi menyediakan pegawai barisan hadapan JKM yang berkemampuan dan berkualiti di seluruh negara.

8. Untuk makluman, JKM telah diluluskan waran perjawatan bagi Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 seramai 1,645 orang. Oleh itu, Jabatan bertanggungjawab untuk merancang dan menyediakan pegawai dari aspek memberi peluang kepada mereka untuk memperolehi pengetahuan, nilai dan kemahiran yang profesional, dapat mengikuti pendidikan yang berterusan dan mendapat latihan tambahan supaya mereka sentiasa didedahkan dengan amalan dan pengetahuan terkini serta berupaya mengekalkan piawaian kompetensi Kerja Sosial.

Hadirin sekalian;

9. Akhir sekali, harapan saya dengan adanya pengalaman belajar walaupun 10 hari dapat mendorong kakitangan JKM untuk tidak berhenti di sini sahaja tetapi akan terus maju ke depan untuk mendapatkan kelulusan yang lebih tinggi di masa akan datang. Saya juga berharap agar kesemua graduan dan khususnya, graduan JKM mampu mengaplikasi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari, meningkatkan kompetensi dan kualiti bagi mencapai perkhidmatan yang cemerlang sejajar dengan matlamat dan objektif Jabatan secara amnya, serta efektif dalam membantu golongan

sasar Jabatan khususnya, apabila kembali bertugas di daerah atau negeri masing-masing.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.